

**JURANG LEKSIKAL DALAM PENTERJEMAHAN KATA KERJA POLA
AF^cALA DAN FA^{cc}ALA AL-QURAN KE BAHASA MELAYU**

***The Lexical Gap In The Translation Of The Al-Quran Verb
Patterns Af^cAla And Fa^{cc}Ala Into The Malay Language.***

Badrul Hisyam Bin Mohd Yasin¹, Syed Nurulakla Bin Syed Abdullah² &
Nik Farhan Mustapha³.

ABSTRAK

Jurang leksikal merupakan fenomena yang sering merisaukan penterjemah disebabkan penterjemah perlu mencari padanan terbaik untuk merapatkan jurang leksikal agar terjemahan yang dihasilkan menepati mesej teks asal. Kajian ini dijalankan untuk membincangkan jurang leksikal dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola af^cala dan fa^{cc}ala ke bahasa Melayu dalam 'al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' dan 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran'. Berlandaskan model jurang leksikal dalam terjemahan dan teknik terjemahan intervensi untuk menangani jurang leksikal dalam terjemahan oleh Darwish (2010) yang digunakan sebagai rangka kerja teori, kajian ini mengaplikasikan pendekatan kajian kualitatif melalui penerapan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual. Sebanyak 6 sampel telah dipilih dan dianalisis untuk merealisasikan objektif kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 'al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' dan 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' telah menggunakan pelbagai teknik penterjemahan dalam menangani jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran dan kepelbagaian teknik ini telah memberi implikasi kepada makna kata kerja tersebut. Antara implikasi tersebut termasuklah terjemahan yang menepati mesej asal al-Quran, terjemahan yang menyebabkan kehilangan makna, terjemahan yang menyebabkan perbezaan makna dan terjemahan yang mengimplisitkan mukjizat pemilihan kata dalam al-Quran. Kajian ini juga mendapati bahawa variasi padanan makna dalam terjemahan kata kerja terpilih yang dikemukakan oleh kedua-dua terjemahan ini tidak menunjukkan bahawa sesuatu terjemahan itu adalah salah atau betul. Bahkan padanan dibuat berlandaskan perbezaan pandangan sarjana bahasa dan para pentafsir al-Quran yang muktabar.

Kata Kunci: *Jurang leksikal, Kebolehterjemahan kata kerja al-Quran, Kesepadanan dalam terjemahan al-Quran, Terjemahan al-Quran, Terjemahan kata kerja al-Quran,*

ABSTRACT

The lexical gap is a phenomenon that often concerns translators as the translator has to find the best equivalence to bridge the said gap so that the resulting translation accurately conveys the message of the original text. This research was conducted to discuss the lexical gap in the translation of the al-Quran verb patterns af^cala and fa^{cc}ala into the Malay language in the 'al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' and 'Tafsir Pimpinan Ar-

¹ Badrul Hisyam Bin Mohd Yasin , Pelajar Ijazah Doktor Falsafah, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, bmy1975@gmail.com

² Syed Nurulakla Bin Syed Abdullah, Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia, Ph.D. Bahasa dan Linguistik (Universiti Malaya), syedakla@yahoo.com

³ Nik Farhan Mustapha , Pensyarah Kanan, Universiti Putra Malaysia, Ph.D. Linguistik Arab (Universiti Islam Antarabangsa)

Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Based on the lexical gap model in translation and the intervention translation technique to address the lexical gap in translation by Darwish (2010), which is used as the theoretical framework, this research applies the qualitative research approach by applying the case study and textual analysis research design. A total of 6 samples were chosen and analysed so as to realise the objectives of the research. The findings of the research show that the 'al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' and 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' used various translation techniques to address the lexical gap in the translation of the al-Quran and the variety of these techniques have implications on the meaning of the verb. These implications include the translation that accurately conveys the original message of the al-Quran, the translation that causes loss of meaning, the translation that causes differences in meaning and the translation that implicates the miracle of choice of words in the al-Quran. This research has also found that the variations in the equivalence of meanings in the translation of selected verbs presented by both these translations do not show whether a translation is incorrect or correct. In fact the equivalence is done based on differences in the views of reputable language scholars and translators of the al-Quran.

Keywords: *Lexical gap, Translatability of Quranic verbs, Equivalence in translation of the al-Quran, Quran translation, Translation of verbs of the Quran.*

1.0 Pendahuluan

Terjemahan al-Quran merupakan usaha yang sangat terpuji kerana keupayaannya menyebarkan mesej kalam Allah kepada khalayak terutamanya kepada umat Islam yang tidak memahami bahasa Arab, menyedarkan golongan bukan Islam realiti dan keindahan agama Islam, mempertahankan kesucian Al-Quran daripada pembohongan yang dilakukan oleh musuh Islam dan menyerlahkan keindahan al-Quran serta rahmat Allah kepada manusia. (al-Bashir, 2015).

Pelbagai cabaran perlu ditempuh oleh penterjemahan al-Quran untuk menghasilkan terjemahan yang berkualiti. Antara cabaran itu ialah fenomena jurang leksikal yang mencirikan perkataan al-Quran (al-Ghazzali 2010). Fenomena ini berlaku disebabkan oleh kekayaan dan keunikan bahasa al-Quran sebagai bahasa sumber dan keterbatasan bahasa sasaran. Mollanazar dalam Tabrizi & Pezeshki (2015) menjelaskan bahawa jurang leksikal mewujudkan cabaran kepada penterjemah kerana kesukaran penterjemahannya ke bahasa sasaran. Rintangan dan cabaran ini menghasilkan pelbagai versi terjemahan al-Quran.

2.0 Konsep Jurang Leksikal

Dalam disiplin ilmu penterjemahan, konsep jurang leksikal merujuk fenomena ketiadaan peleksikalan (*lack of lexicalisation*) atau ketiadaan perkataan (*absence of the word*) yang berlaku apabila dua bahasa dibandingkan ketika penterjemahan. Sin-Wai (2004) menjelaskan bahawa jurang leksikal terhasil apabila perkataan dalam sesuatu bahasa tidak mempunyai perkataan yang sama makna dalam bahasa sasaran :

“Lexical gap: This is said to be present if a word in one language does not seem to have any counterpart in another language”

Darwish (2010) merumuskan bahawa jurang leksikal dalam penterjemahan berlaku:

1. Apabila bahasa sumber mengungkapkan suatu konsep dengan menggunakan satu unit leksikal, manakala bahasa sasaran mengungkapkan konsep yang sama dengan menggunakan gabungan bebas perkataan (*free combination of word*) atau frasa.
2. Konsep bahasa sumber tidak wujud dalam bahasa sasaran.
3. Makna denotasi suatu konsep dalam bahasa sumber berbeza dengan makna denotasi konsep tersebut dalam bahasa sasaran.
4. Apabila taksonomi bahasa sumber dan bahasa sasaran tidak sepadan.
5. Apabila wujud jurang budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran

Untuk mengenal pasti jurang leksikal, leksikal bahasa sumber perlu dibandingkan dengan terjemahannya dalam bahasa sasaran. Semasa proses perbandingan dilakukan, dua aspek perlu diteliti dan diperhalus. Pertama, aspek makna. Jurang leksikal wujud apabila leksikal bahasa sumber tidak berjaya mengungkap keseluruhan makna yang terhasil daripada leksikal bahasa sumber atau makna denotasi leksikal bahasa sumber tidak sepadan dengan bahasa sasaran. Kedua, ragam terjemahan. Jika suatu leksikal dalam bahasa diterjemahkan dengan menggunakan gabungan bebas perkataan, situasi ini menjelaskan kewujudan jurang leksikal.

Berlakunya fenomena ini boleh disebabkan oleh perbezaan mekanisme linguistik dan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran (Xu Ping, 2005) dan juga faktor semantik sesuatu bahasa (al-Ghazalli, 2010, Saadatmanesh, 2013).

4.0 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan membincangkan fenomena jurang leksikal yang wujud dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *af^cala* dan *fa^cala* ke bahasa Melayu dalam 'Al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' (QMMT) dan 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' (TPR).

5.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif melalui penerapan reka bentuk kajian kes dan analisis tekstual berlandaskan model jurang leksikal dalam terjemahan dan teknik terjemahan intervensi untuk menangani jurang leksikal dalam terjemahan yang dikemukakan oleh Darwish (2010) sebagai rangka kerja teori.

Kajian ini dihadkan kepada dua karya terjemahan al-Quran sahaja. Pertama, 'Al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' yang diterbitkan oleh Yayasan Restu. Kedua, 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' oleh Sheikh Abdullah Basmeih dan diterbitkan dengan izin Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kajian ini memfokuskan perbincangan aspek semantik dalam terjemahan kata kerja al-Quran berjurang leksikal yang terpilih. Bagi mencapai fokus ini, aspek makna setiap kata kerja dibincangkan berdasarkan penggunaan al-Quran dan kesepadanan terjemahannya untuk menjelaskan terjemahan yang sesuai dan memadai. Selain itu, kajian ini juga membandingkan dan membincangkan pola terjemahan yang dikemukakan oleh 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' dan 'Al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' untuk memahami asas pemilihan padanan tersebut.

Pada akhir analisis, setiap kata kerja akan dikemukakan cadangan penambahbaikan terhadap terjemahan sedia ada seperti yang terdapat dalam 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman

Kepada Pengertian al-Quran' dan 'Al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan' jika difikirkan perlu.

5.0 Analisis Dan Perbincangan

Sebanyak enam kata kerja dianalisis dan dibincangkan dalam segmen ini. Kata kerja-kata kerja itu ialah "غَلَقَ", "أَنَابَ", "بَيَّتَ", "أَنَغَضَ", "أَنزَلَ" dan "نَزَلَ". Semua kata kerja ini dikategorikan sebagai kata kerja berjurang leksikal berdasarkan model Jurang Leksikal yang dikemukakan oleh Darwish (2010). Analisis ini memfokuskan aspek semantik kata kerja tersebut.

i. Kata kerja "غَلَقَ"

Kata Kerja "غَلَقَ" dikategorikan sebagai kata kerja berjurang leksikal kerana konsep bahasa al-Quran tidak wujud dalam bahasa Melayu. Menurut Darwish (2010), jurang leksikal dalam terjemahan berlaku apabila konsep bahasa sumber tidak wujud dalam bahasa sasaran. Kata kerja ini ditemukan dalam Surah Yusuf 12 :23.

Teks Sumber : ﴿وَعَلَقَتِ الْأَبْوَابَ﴾

Teks Sasaran :
Lalu perempuan itu pun menutup pintu-pintu
TPR 2013 : 546
Perempuan itu pun menutup pintu-pintu
QMMT 2011: 241

Kedua-dua 'al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan' dan 'Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an' menterjemahkan kata kerja *عَلَقَتِ* dengan padanan perkataan "menutup". Penelitian terhadap penterjemahan potongan ayat ini menunjukkan bahawa makna kata kerja ini tidak dipindahkan secara menyeluruh dalam penterjemahan ke bahasa Melayu.

Sarjana bahasa dan pentafsir al-Quran menjelaskan bahawa pola *fa'ala* pada leksikal *عَلَقَ* menghasilkan makna *al-takthīr* (Sibawayh t.h, al-Astrabādhīyy 1982 Ibn Ashur 1997, al-Alūsī 2000, al-Zuhailīyy 1991). Al-Alusi (2000) menjelaskan *تعديد الأبوَاب : تشديد الفعل للكثير في المفعول* (tasydid pada kata kerja menunjukkan bilangan objek yang banyak). Selain itu, kata kerja *عَلَقَ* juga mengandungi makna *al-mubālaghah* (Ibn Ashur 1997, al-Sya'rāwīyy 1991 Zuhailīyy 1991, Al-Asfahānīyy 2009).

'Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan' dan 'Tafsir Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran' telah mengekspresikan makna *al-takthīr* dalam penterjemahan potongan ayat ini dengan penggunaan kata nama jamak "pintu-pintu" selepas perkataan tersebut. Namun demikian, kedua-dua terjemahan telah mengimplisitkan makna *al-mubālaghah* yang terdapat dalam bahasa al-Quran.

Pengkaji berpendapat bahawa makna *al-mubālaghah* ini perlu dieksplisitkan dalam penterjemahan potongan ayat tersebut untuk menyerlahkan kesungguhan isteri al-Aziz dalam menghindarkan khalayak daripada menghidu perbuatan sumbangnya terutamanya suaminya sendiri selain menzahirkan rasa bimbang dalam diri isteri al-Aziz ketika menggoda Nabi Yusuf AS.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat teknik modulatori-pengembangan wajar diaplikasikan dalam penterjemahan kata kerja ini. Kata kerja ini perlu disusuli dengan

adverba “rapat” bagi memenuhi makna kata kerja tersebut. Penambahan adverba ini pada pandangan pengkaji tidak menyebabkan kejanggalan dalam penterjemahan ayat ini.

Kesimpulannya, penterjemahan leksikal غلق dalam QMMT dan TPAR masih dapat ditambah baik untuk menyerlahkan makna morfologi keseluruhan kata kerja al-Quran dalam teks terjemahan Melayu. Kajian ini mencadangkan terjemahan untuk ayat ini:

1. “Lalu perempuan itu pun menutup rapat pintu-pintu”

ii. Kata kerja "أنايب"

Kata kerja "أنايب" diklasifikasikan sebagai jurang leksikal kerana leksikal ini merupakan leksikal budaya yang berkaitan dengan elemen spiritual dalam makna yang dihasilkan oleh kata kerja ini. Menurut (Darwish 2010), jurang leksikal berlaku apabila wujud jurang budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Kata kerja ini digunakan dalam Surah Hud 11: 88 :

Teks Sumber :

عَلَيْهِ تَوَكَّلْتُ وَإِلَيْهِ أُنِيبُ

Teks Sasaran : 1. kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku kembali.

TPR 2013 : 530

2. Kepada Allah jualah aku berserah diri dan kepada-Nyalah aku kembali.

QMMT 2011: 235

‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ menggunakan teknik modulatori-pengurangan. Kata kerja "أنايب" diterjemahkan dengan padanan perkataan “kembali”. Penggunaan padanan perkataan “kembali” berkemungkinan disebabkan oleh penterjemah terpengaruh dengan makna denotasi kata kerja ini. Ibn Manzūr(1990) menjelaskan bahawa *al-Inābah* ialah bertaubat dan kembali dan Ibn ʿĀshūr (1997:124) menjelaskan bahawa hakikat *al-Inābah* ialah kembali kepada asal setelah meninggalkannya”.

Penterjemahan dengan menggunakan perkataan ini tidak dapat merangkum konsep *inābah* kepada Allah yang dimaksudkan oleh budaya Islam dan al-Quran. Dalam budaya Islam "الإناية إلى الله" merujuk maksud kembali mentauhidkan Allah, beristighfar, bertaubat, beramal soleh dan memohon pertolongan daripada Allah (Ibn Kathīr 1999, Al-Şābūnī, 1997, Zuhayli 1991).

Selain itu, penterjemahan yang menggunakan kata “kembali” juga memberikan kefahaman yang berbeza dengan maksud yang ingin disampaikan oleh potongan ayat ini. Dalam budaya Melayu, ungkapan “Dia kembali kepada Allah” bermaksud dia telah meninggal dunia. Hal ini dikatakan demikian kerana frasa “kembali kepada Allah” dikategorikan sebagai peribahasa yang membawa maksud mati (Abdullah Hassan & Ainon Mohd 2011).

Kesimpulannya, penterjemahan kata kerja "أنايب" dalam ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ masih dapat ditambah baik. Kajian ini mencadangkan kata kerja al-Quran "أنايب" yang disandarkan kepada Allah diterjemahkan sebagai “kembali bertaubat dan beramal soleh”. Oleh itu, firman Allah SWT dalam Surah Hud 11: 88 dapatlah diterjemahkan sebagai:

“Hanya kepada-Nya, aku bertaubat dan gigih beramal soleh”

iii. Kata kerja "بَيَّتْ"

Item leksikal ini dikategorikan sebagai kata kerja berjurang leksikal kerana kata kerja al-Quran diterjemahkan dengan gabungan perkataan dalam bahasa Melayu. Hal ini berlaku disebabkan oleh faktor linguistik, secara khususnya aspek morfologi. Kata kerja ini telah digunakan dalam Surah al-Naml 27:49 :

Teks Sumber :

قَالُوا تَقَاسَمُوا بِاللَّهِ لَنُبَيِّتَنَّهُ وَأَهْلَهُ

Teks Sasaran :

1. Mereka berkata (sesama sendiri): "Hendaklah kamu masing-masing bersumpah dengan nama Allah, bahawa sesungguhnya kita akan membunuh Soleh dan pengikut-pengikutnya secara mengejut pada waktu malam.

TPR 2013 : 987-988

2. Mereka berkata (sesama sendiri): "Hendaklah kamu masing-masing bersumpah dengan nama Allah, bahawa sesungguhnya kita akan membunuh Salih dan pengikut-pengikutnya secara mengejut pada waktu malam

QMMT 2011: 389

'Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan' dan 'Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran' menterjemahkan kata kerja dengan menggunakan gabungan perkataan “membunuh...secara mengejut pada waktu malam”. Kedua-duanya mengemukakan terjemahan yang selari dengan menggunakan teknik terjemahan modulatori-pengembangan.

Selain itu, kedua-dua terjemahan ini telah menterjemahkannya berdasarkan konteks dan ini dapat mengelakkan ketaksaan makna. Penterjemahan berdasarkan makna morfologi Arab semata-mata boleh menyebabkan ambiguiti yang hanya akan memberikan makna umum kepada kata kerja ini. Berdasarkan aspek morfologi, kata kerja ini menghasilkan makna “melakukan sesuatu pada waktu malam” (al-Istarābādhi 1982). Menurut al-Aṣma‘ī, Abu ‘Ubaydah, Abu al-‘Abbās, kata kerja "بَيَّتْ" merujuk kepada makna “sesuatu perkara yang dilakukan pada waktu malam” (al-Asfahani 1997, al-Sayyid 2004, Ibn ‘Āshūr t.th, Abu Hayyan al-Andalūsī 1993).

Seandainya potongan ayat di atas diterjemahkan bersandarkan ilmu morfologi semata-mata, terjemahan ayat ini berkemungkinan adalah seperti ini; “mereka berkata (sesama sendiri): "Hendaklah kamu sekalian saling bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya kita akan melakukan sesuatu pada waktu malam”. Pembaca terjemahan al-Quran akan bertanya-tanya, “Apakah yang akan dilakukan mereka?” Namun begitu, apabila penterjemah menterjemahkan ayat tersebut berdasarkan makna konteks - “Hendaklah kamu sekalian saling bersumpah dengan nama Allah bahawa sesungguhnya kita akan membunuh Nabi Soleh As dengan pengikutnya sesuatu pada waktu malam”, makna ayat tersebut difahami dengan jelas.

Dalam konteks ayat di atas, ayat tersebut mengisahkan sembilan orang penyangkal kaum *Thamūd* yang telah menyembelih unta Nabi Soleh AS. Setelah itu, mereka bersumpah untuk membunuh Nabi Soleh dan pengikut baginda pada waktu malam. (Tabbārah, 1996)

Kata kerja "بَيَّت" dalam Surah al-Naml 27:49 bermaksud “membunuhnya pada waktu malam” (Ibn Kathīr t.th, Zuhayli 1991)

Kesimpulannya, terjemahan ini telah memberikan maklumat yang jelas dan tepat tentang peristiwa yang berlaku. Ini menunjukkan bahawa tafsiran ulama perlu dirujuk untuk mendapatkan makna perkataan dalam konteks ayat al-Quran. Hal ini berlaku demikian kerana konteks ayat mempengaruhi makna morfologi kata kerja tersebut (Kāzīm 2008).

iv. Kata kerja "أَنْغَضُ"

Kata kerja "أَنْغَضُ" diklasifikasikan sebagai jurang leksikal disebabkan kewujudan elemen budaya dalam perkataan ini. Elemen budaya yang dipaparkan oleh kata kerja ini berdasarkan penggunaan al-Quran adalah berbeza dengan budaya Melayu. Menurut (Darwish 2010) jurang leksikal berlaku apabila wujud jurang budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Kata kerja ini telah digunakan dalam Surah Al-Isrā' 17: 51:

Teks Sumber : فَسَيَنْغَضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَى هُوَ

Teks Sasaran : 1. maka mereka akan menganggukkan kepala mereka kepadamu sambil bertanya secara mengejek: bila berlakunya?

TPR 2013 : 530

2. maka mereka akan menggeleng-geleng kepala mereka kepadamu sambil bertanya secara mengejek: Bila berlakunya?"

QMMT 2011: 235

Dari aspek penterjemahan, ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ tidak selari dalam menterjemahkan kata kerja al-Quran "أَنْغَضُ". ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ menterjemahkannya sebagai “menggeleng-geleng”, manakala ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ pula menterjemahkannya sebagai “menganggukkan”.

Kedua-dua terjemahan telah menggunakan teknik terjemahan implikatif (*Implicative Translation*). Berdasarkan teknik ini, penterjemah menggunakan perkataan yang spesifik untuk menterjemahkan perkataan umum (Darwish 2010). Dari sudut bahasa, kata kerja ini bermaksud “menggerakkan” (Fayrūzābādī 1997) tetapi pentafsir al-Quran pula menjelaskan penggunaan kata kerja ini dalam al-Quran bukan sahaja menghasilkan makna denotasi “menggerakkan kepala” bahkan turut mempunyai makna konotasi “mengejek”. (Ibn Kathīr, t.th, al-Samīn al-Ḥalabi, t.th)

Dalam konteks ayat ini, “menganggukkan kepala” dan “menggelengkan kepala” merupakan hiponim daripada “pergerakan kepala”. Penterjemahan dengan menggunakan hiponim (subordinat) lebih memberi impak kepada pembaca berbanding dengan hanya mengekalkan terjemahan ayat ini dengan makna literal “mereka akan menggerak-gerakkan kepala mereka sambil berkata secara mengejek”.

Persoalan yang perlu dirungkaikan dalam penterjemahan kata kerja ini ialah mengapa wujud perbezaan padanan kata ketika menterjemahkan kata kerja ini? Penelitian kajian menunjukkan kedua-dua terjemahan ini mempunyai asas dalam pemilihan padanan bagi kata kerja "أَنْغَضُ". ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ berpegang kepada pandangan al-Rāziyy (1999), al-Farra’ dalam Ibn Manzūr, (1990) yang menjelaskan :

أنغض رأسه إذا حرّكه إلى فوق وإلى أسفل

Justeru ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qura menterjemahkannya sebagai “menganggukkan kepala”.

‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ pula bersandarkan terjemahan yang dikemukakan oleh “al-Quran dan Terjemahan Maknanya ke Bahasa Indonesia” yang diterbitkan oleh Kerajaan Arab Saudi dan Kamus Besar Arab Melayu Dewan. Kedua-dua sumber ini menterjemahkan ayat ini sebagai “lalu mereka akan menggeleng-gelengkan kepada mereka”. Pemilihan perkataan “menggeleng-gelengkan” juga didasari oleh faktor budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana pembudayaan dalam proses semiosis bahasa badan menyebabkan gelengan diterima untuk menandakan tidak bersetuju (Munif Zariruddin 2015).

Selain itu, penterjemahan dengan menggunakan kata “mengangguk” atau “menggeleng” masih tidak memenuhi makna kata kerja ini berdasarkan penggunaan al-Quran. Penambahan perkataan yang menunjukkan makna konotasi kata kerja ini, iaitu “mengejek” diperlukan. Walaupun frasa ‘secara mengejek’ telah ditambah selepas perkataan “berkata” dalam kedua-dua terjemahan, namun jarak yang jauh antara kata “menganggukkan” atau “menggeleng-geleng” dengan frasa tersebut boleh menimbulkan kekeliruan. Tambahan pula (Zuhayli 1991) menjelaskan bahawa kata kerja “berkata” juga mengandungi makna konotasi mengejek. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar kata kerja ini diterjemahkan dengan “mengangguk-angguk sinis” ataupun “menggeleng-geleng sinis”.

v. Kata kerja "أنزل" dan "نزل"

Kata kerja "أنزل" dan "نزل" dikategorikan sebagai kata kerja berjurang leksikal kerana konsep kedua-dua bahasa al-Quran tidak wujud dalam bahasa Melayu. Menurut Darwish (2010), jurang leksikal dalam terjemahan berlaku apabila konsep bahasa sumber tidak wujud dalam bahasa sasaran. Kata kerja ini telah ditemukan dalam Surah āli-Imran 3:3 :

Teks Sumber : نَزَّلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ بِالْحَقِّ مُصَدِّقًا لِمَا بَيْنَ يَدَيْهِ وَأَنْزَلَ

التَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

Teks Sasaran : 1. Ia menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab suci (Al-Qur’an) dengan mengandungi kebenaran, yang mengesahkan isi Kitab-kitab Suci yang telah diturunkan dahulu daripadanya, dan ia juga yang menurunkan Kitab-kitab Taurat dan Injil.

TPR 2013 :117

2. Dia menurunkan (secara beransur-ansur) kepadamu (wahai Muhammad) kitab suci (Al-Qur’an) berisikan kebenaran, yang mengesahkan isi kitab-kitab suci yang telah diturunkan sebelumnya, dan Dia juga yang menurunkan (secara sekali gus) kitab Tawrat dan Injil.

QMMT 2011:50

Dari aspek penterjemahan, ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ tidak selari dalam menterjemahkan kedua-dua kata kerja al-Quran ini. ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ menggunakan teknik terjemahan eksplisitori-penerangan ketika menterjemahkan kedua-dua kata kerja ini. Kata kerja "أنزل" diterjemahkan sebagai menurunkan (secara sekali gus), manakala kata kerja "نزل" diterjemahkan sebagai menurunkan (secara beransur-ansur). ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ pula menterjemahkan kedua-dua kata kerja tersebut dengan makna literal “menurunkan”.

Dalam penterjemahan kata kedua-dua kata kerja ini, ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ lebih cenderung mengeksplisitkan mukjizat pemilihan kata al-Quran. Menurut (al-Qāsiyy, 1996) penggunaan dua *wazn* yang berbeza bagi kata dasar yang sama dalam al-Quran bertujuan mengungkap makna dengan lebih mendalam dan rinci. Ini membuktikan mukjizat pemilihan kata dalam al-Quran. al-Asfahani(1997), al-Alūsiyy (1996) dan Al-Zuhailiyy (1991) menyatakan bahawa kata kerja نزل dalam ayat ini menjelaskan penurunan secara berperingkat, manakala kata kerja أنزل dalam ayat ini pula menjelaskan bahawa penurunan secara sekali gus. Oleh itu, ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ membezakan antara terjemahan bagi kata kerja "أنزل" dengan "نزل".

Dalam penterjemahan ayat ini, ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ lebih cenderung kepada teknik terjemahan modulatori-pengurangan untuk menghasilkan terjemahan komunikatif yang lebih lancar, mudah serta menggunakan istilah yang lebih umum. Tambahan pula kedua-dua kata kerja ini pula dianggap sinonim dari sudut bahasa (Ibn Manzūr 1990, Fayrūzābādī 1997) dan sebahagian pentafsir al-Quran seperti (Abu Hayyan al-Andalūsī 1993, al-Samīn al-Ḥalabī 1996) tidak membezakan makna kedua-dua terjemahan kata kerja tersebut.

6.0 Rumusan dan Kesimpulan

Berdasarkan analisis dan perbincangan sampel kajian ini, jelas menunjukkan bahawa fenomena jurang leksikal adalah wujud dalam penterjemahan kata kerja al-Quran pola *afʿala* dan *faʿala* ke bahasa Melayu dalam ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran’. Fenomena ini wajar dikaji secara rinci dalam disiplin terjemahan al-Quran ke bahasa Melayu bagi mengelakkan ketaksamaan makna ketika mengekspresikan makna kata kerja al-Quran ke bahasa Melayu. Kenyataan ini ditegaskan lagi oleh Abobaker Ali et. al (2012) yang menyatakan masalah utama dalam penterjemahan al-Quran ialah kesukaran mendapatkan padanan item leksikal.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ‘Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ telah menggunakan pelbagai teknik penterjemahan untuk menangani jurang leksikal dalam penterjemahan al-Quran dan kepelbagaian teknik ini telah memberi implikasi kepada makna kata kerja tersebut. Antara implikasi tersebut termasuklah terjemahan yang menepati mesej asal al-Quran, terjemahan yang menyebabkan kehilangan makna, terjemahan yang menyebabkan perbezaan makna dan terjemahan yang menjejaskan balaghah al-Quran.

Kajian ini juga mendapati bahawa variasi padanan makna dalam terjemahan kata kerja terpilih yang dikemukakan oleh ‘al-Quran Mashaf Malaysia dan Terjemahan’ dan ‘Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran’ ini tidak menunjukkan bahawa sesuatu terjemahan itu adalah salah atau betul. Bahkan terjemahan yang ada itu dilakukan berlandaskan perbezaan pandangan sarjana bahasa dan para pentafsir al-Quran yang muktabar.

BIBLIOGRAFI

- Al-Quran Al-Karim
Abdullah Basmeih.(2013). *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur:Darulfikir.
- Abobaker Ali, M Alsaleh Brakhw, Munif Zarirruddin Fikri bin Nordin & Sharifah Fazliyaton Shaik Ismail .2012. *Some Linguistic Difficulties in Translating the Holy Quran from Arabic into English* . International Journal Of Social Science and Humanity Vol.2, No.6 Pg 588-590
- Abu Hayyan al-Andalūsī, M. Y. (1993). *Tafsīr al-Baḥr al-Muḥīt*. Beirut:: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2010). *Kamus Simpulan Bahasa*. Selangor: PTS Publishing House.
- Al-Qur'an Mushaf Malaysia Dan Terjemahan. (2011). Selangor: Yayasan Restu.
- al-Alūsīyy, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. 1996. *Ruh al-Maʿani*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- al-Asfahani, al-Rāghib (1997). *Mufradat Alfaz al-Quran*. Damsyik: Dar al-Qalam.: Dar al-Qalam.
- al-Bashir, Moammed Ali. (2015). *New Theory of The Holy Quran Translation; A Textbook For Advanced University Student if Linguistics and Translation*. Hamburg: Anchor Academic Publication.
- Darwish, Ali. (2010). *Elements of Translation*. Melbourne: Writescop.
- Kazim ʿAbd Farih. (2008). al-Sīāq wa Atharuhu fī tawjīh al-Maʿāni al-Muʿjamiyyah li al-Alfāz; 1-42., al-āfʿāl al-thulāthiyyah Anmūdhan. *Majallah Abḥāth Mīsān*, 1-42.
- Fayrūzābādī, Majd al-Din Muhammad Ibn Yaʿqūb. (1997). *al-Qāmus al-Muḥīt*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabī.
- al-Ghazzali, Mehdī Fāliḥ. (2010). Lexical Gaps in Arabic-to-English Translation. *Al-Mustansiriya Journal Of Art*, 52, 1-16.
- Hosseini Heidari Tabrizi dan Mahshid Pezeshki.. (2015). Strategies Used in Translation of Sceintific Text to Cope with Lexical Gaps (Case of Biomass Gasification and Pyrolysis Book). *Journal of Theory and Practice in Languaje Studies*, 5(6), Pg 1173-1178.
- al-Istarābādhi, al-Sheikh Rādī al-Din Muhammad al-Hasan. (1982). *Sharh Shāfiat Ibn al-Hājib*. Beirut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.
- Ibn ʿĀshūr, Tāhir. (1984). *al-Tahrīr wa al-Tanwīr*. Tunisia: Dar Shuhnun.
- Ibn Kathīr, Abū al-Fidā' Ismā'īl. (1999). *Tafsīr al-Qurān al-ʿAzīm*. Beirut: Dār al-Jīl.
- Ibn Manzūr, Abū al-Fadl Jamāl al-Din Muhammad Mukarram. (1990). *Lisān al-ʿArab*. Beirut: Dār al-Sādir. Beirut: Dār al-Sādir.
- Munif Zarirruddin Fikri Nordin. (2015). *Dimensi Bahasa dalam Agama*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ping, Xu. (2005). *Lexical Gaps In Translation*. Shandong University: Disertasi Sarjana.
- al-Qīsiyy, ʿ. M. (1996). *Sirr al-Ījāz fī Tanawwuʿ al-Ṣiyagh al-Musytaqqah min Aṣl Lughawīyy Wāḥid fī al-Qur'ān*. ʿAmmān: Dār al-Bashīr.
- al-Rāziyy, F. a.-D. (1999). *al-Tafsīr al-Kabīr*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-ʿArabiyy.
- Saadatmanesh S. (2013). A Limit Survey to Accidentel Gaps in English. *Journal of Science And Today's Woarld*. Vol 2, Issue 9, 1211-1216
- al-Sābūnī, M. ʿ. (1997). *Safwah al-Tafāsīr*. Cairo: Dar al-Sābūnī.
- al-Samīn al-Ḥalabī, Ahmad Yūsuf. (1996). *ʿUmdat al-Ḥuffāz fā tafsīr Ashraf al-Alfāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah. .

- al-Samīn al-Ḥalabi, Ahmad Yūsuf. (t.th). *al-Durr al-Maṣūn fī ‘Ulūm al-Kitāb al-Maknūn*. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-Sayyid, ‘Abd al-Hamid Mustafā. 2004. *al-Afāl fī al-Qurān al-Karīm. Dirāsāt Istiqrā’iyyah Lil al-Fīl fī al-Qurān al-Karīm*. ‘Amman: Dār al-Hāmid
- Sībawayh, Abu Bishr ‘Amru ‘Uthman Qunbur. (t.th). *Kitāb Sibawayh*. Beirut: Beirut.
- Sin-Wai, Chan. 1997. A Dictionary Of translation Technology. Hong Kong: Chinese University Press
- al-Sya‘rāwiyy, Muḥammad Mutawalli ‘. 1997. Tafsir al-Sya‘rāwiyy .Kaherah: Dār Akhbār al-Yaum
- Zuḥayli, W. (1991). *al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘Aqīdah wa al-Syarī‘ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Zamakhsyarī, Abu al-Qāsim Jār Allah Maḥmūd ‘Umar Muḥammad. (1995). *al-Kassyāf ‘An Haqā’iq Ghawāmid al-Tanzīl wa ‘Uyūn al-Aqāwīl fī Wujūh al-Ta’wīl*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.